

Pilihan raya kecil Sanggang: 8 nama diserahkan kepada PM

UM - 6 MAR 2000

KUANTAN 5 Mac — Barisan Nasional (BN) negeri akan mengemukakan lapan nama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok bagi menentukan calon BN yang akan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, beliau akan menyerahkan senarai itu kepada Presiden parti sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di Kuala Lumpur esok untuk dikaji dan diteliti supaya calon terbaik akan dipilih.

"Saya telah menerima senarai calon itu darinya UMNO bahagian Mentakab dan ia merupakan calon-calon terbaik untuk menewaskan pembangkang," kata beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan orang ramai dari DUN Sanggang di Simpang Peragap, Kerdau di sini, petang semalam.

Utusan difahamkan, daripada lapan nama yang disenaraikan itu, enam daripadanya adalah dari kalangan UMNO Mentakab manakala dua lagi senarai calon adalah dari luar.

Mengetuai senarai ialah Ketua UMNO bahagian Mentakab, Datuk Bahari Yahaya, bekas ahli Exco Kerajaan Negeri yang mengundur diri supaya tidak dicalonkan semula di kawasan Dewan Undangan Negeri Lanchang pada pilihan raya umum tahun lalu.

Menurut sumber, kembalinya Bahari bertanding pilihan raya bukan suatu perkara luar biasa dalam UMNO dalam usaha memastikan kemenangan, lagi pun pengaruh Bahari di Mentakab amat kuat.

Tidak ketinggalan dicalon-

kan ialah Naib Ketua UMNO Bahagian, Kamaruzzaman Yaakob.

Dalam pada itu, UMNO bahagian Mentakab dikatakan turut mencalonkan Setiausaha UMNO Bahagian, Ismail Mohd. Said, 35, dari Kerdau, seorang peguam syarie lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dua orang ahli jawatankuasa UMNO bahagian Mentakab turut dicalonkan kali ini iaitu Mohamed Mustafar Malik dan Khairuddin Manan.

Selain itu, Ketua Wanita UMNO bahagian Mentakab, Siti Rokiah Zainal Abidin yang namanya pernah dicalonkan pada pilihan raya umum November tahun lalu, turut dicalonkan sekali lagi.

Sementara itu dua orang lagi calon merupakan calon luar. Calon pertama ialah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh, Norzan Ahmad dan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah.

Bagaimanapun Norzan lebih popular di kalangan pengundi kerana beliau merupakan anak jati Sanggang yang pertama menjadi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh dan begitu disenangi.

Pilihan raya kecil DUN Sanggang diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya, Datuk Abdullah Kia. 54 baru-baru ini akibat serangan angin ahmar.

Allahyarham Abdullah berjaya mempertahankan kerusi Sanggang pada pilihan raya lalu setelah mengalahkan calon Pas, Abdul Rahim Abdul Latif dengan majoriti undi 1,038.